

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
(LANANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.10.2016

Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil dari GST pada tahun 2016 dan sama ada Kerajaan akan terus memberi BR1M jika hasil kutipan tidak tercapai anggaran iaitu RM39 billion.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion manakala bagi tahun 2016, hasil kutipan GST sehingga 30 Jun 2016 adalah sebanyak RM17.241 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan menyemak semula sasaran kutipan hasil GST bagi tahun 2016 iaitu sebanyak

RM39 bilion sekiranya perlu dengan mengambil kira keadaan prestasi kutipan GST terkini apabila membentangkan anggaran disemak Kerajaan Persekutuan di Dewan Rakyat pada 21 Oktober 2016 semasa pembentangan Bajet 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan meneruskan inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi membantu menampung kos sara hidup golongan berpendapatan rendah. Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa meneliti dan membuat penyelarasan dan penambahbaikan ke atas program BR1M. Ini dapat memastikan matlamat Kerajaan ke arah melaksanakan peralihan subsidi bersasar tercapai.